

29/11/1997

Kuatkuasa arahan larang melancong

Rashidi Karim

KANGAR, Jumaat - Kerajaan Pusat disaran menguatkuasakan peraturan melarang semua anggotanya melancong ke seberang laut untuk sementara waktu, sebagai pendekatan mengatasi masalah ekonomi negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata tindakan itu bertujuan membendung pengaliran keluar wang negara yang sepatutnya diikuti setiap lapisan masyarakat.

"Rakyat perlu berkorban untuk mengatasi masalah kemerosotan nilai ringgit. Selain pemimpin, anggota kerajaan juga tidak seharusnya melancong ke luar negara dalam tempoh terdekat ini.

"Saya yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat menyelesaikan masalah ekonomi negara dalam tempoh enam bulan jika mendapat sokongan padu rakyat," katanya ketika berucap di Perhimpunan Rakyat Perlis di Padang Majlis Perbandaran Kangar, di sini, petang semalam.

Kira-kira 3,000 penduduk mewakili pelbagai pertubuhan politik, sukarela dan kakitangan kerajaan serta swasta hadir bagi menyatakan sokongan mereka terhadap kepemimpinan Dr Mahathir yang dianjurkan Pergerakan Pemuda Barisan Nasional negeri.

Turut memberi ucapan ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mewakili Kerajaan Persekutuan dan ahli Majlis Tertinggi, Datuk Ibrahim Ali, mewakili ahli MT pada perhimpunan itu.

Shahidan berkata, semua penduduk tanpa mengira fahaman politik perlu memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri berikutan gesaan 34 anggota kongres Amerika Syarikat supaya beliau meletak jawatan atau memohon maaf.

"Perbuatan itu membabitkan maruah dan mencampuri urusan luar dan mereka (rakyat tempatan) yang menyokongnya tidak layak diberi taraf warganegara kerana Perdana Menteri dilantik menerusi proses demokrasi," tegasnya.

Selain itu, katanya, tindakan menolak bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) membuktikan kerajaan tidak mahu campur tangan pihak luar kerana pakej bantuan itu akan memberi kesan sampingan kepada rakyat.

"Kita tidak mahu menjadi seperti Mexico yang dapat menyelesaikan masalah ekonominya dalam tempoh setahun dengan bantuan itu, tetapi semua aset terpenting negara itu kini dikuasai Amerika Syarikat," katanya.

(END)